

18/12/2001

Tarikh hantar pulang Misuari belum ditentukan

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia belum memutuskan tarikh penghantaran pulang pemimpin Barisan Pembebasan Moro (MNLF), Nur Misuari ke Filipina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita belum tentukan lagi tarikhnya," kata Perdana Menteri ketika di rumah terbuka hari raya kedua, khas untuk orang kenamaan di Seri Perdana di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Duta Filipina ke Malaysia, Jose S Brillantes, bahawa bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao itu mungkin dihantar ke Manila sebelum 24 Disember ini.

Brillantes yang ditemui pada majlis sama berkata, penghantaran pulang Misuari sebelum 24 Disember terpaksa dibuat jika mengikut undang-undang imigresen Malaysia.

Mengikut undang-undang imigresen negara ini, Misuari boleh ditahan sehingga 30 hari, dan tarikh akhirnya ialah 24 Disember ini.

Misuari ditahan bersama enam yang lain di Pulau Jampiras, Sabah, pada 24 November lalu kerana memasuki negara ini secara haram dari Jolo, di selatan Filipina, setelah didakwa mengetuai pemberontakan bersenjata terhadap Manila selepas mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Filipina.

Ditanya sama ada Manila sudah memberitahu Kuala Lumpur secara rasmi mengenai bila pihak berkuasa Filipina merancang membawa pulang Misuari, Dr Mahathir berkata: "Kita akan tunggu dan bincang (dengan Manila)".

Semalam, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh menahan Misuari terlalu lama dan berharap Manila membuat persediaan menerimanya dalam masa terdekat kerana jika tidak, pemimpin MNLF itu akan dihantar ke negara ketiga.

Sementara itu, Brillantes berkata, dalam tempoh sembilan hari akan datang, sudah pasti ada "pergerakan" mengenai isu Misuari.

"Tarikhnya (penghantaran pulang Misuari) adalah lebih baik dirahsiakan untuk tujuan keselamatan," katanya di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata, terpulang kepada pihak polis Filipina dan Malaysia untuk memutuskan tarikh penghantaran pulang Misuari.

Beliau berkata, kerajaan Filipina menyatakan dengan jelas yang mereka sedang bersiap sedia bagi penghantaran pulang atau pun penyerahan Misuari.

"Yang penting ialah Filipina sedang membuat persiapan bagi menerima Misuari sementara pihak berkuasa Malaysia sedia menghantarnya pulang," katanya.

Brillantes berkata, polis Malaysia juga menyatakan akan menamatkan soal siasat terhadap Misuari.

Katanya, pihak berkuasa tertinggi kedua-dua negara sudah membincangkan isu itu.

Difahamkan Penasihat Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, Bagi Hal-hal Khas, iaitu Norberto Gonzalez akan berbincang dengan Dr Mahathir berhubung penghantaran pulang Misuari.

Ditanya sama ada Gonzalez sudah berada di ibu negara, Brillantes berkata, beliau tidak dapat mengesah atau menafikannya kerana tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai perkara itu.

(END)